

12/10/2001

Malaysia dijangka raih RM20b tukaran asing

Kadir Dikoh

MALAYSIA dijangka meraih pendapatan tukaran asing lebih RM20 bilion tahun ini berikutan jangkaan ketibaan kira-kira 12 juta pelancong, sekali gus mengekalkan sektor itu sebagai penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan negara.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed, berkata tahun lalu industri pelancongan menyumbang RM17.3 bilion kepada tukaran asing berdasarkan peningkatan jumlah pelancong kepada 10.2 juta.

"Ini menunjukkan pertambahan daripada 1999 apabila 7.9 juta pelancong datang dengan memberi sumbangan RM12.3 bilion kepada pendapatan tukaran asing negara. Malah bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini, jumlah kedatangan pelancong sudah meningkat kepada 9.51 juta berbanding 6.6 juta pada tempoh yang sama tahun lalu.

"Sejak 1991 lagi, keadaan sudah berubah apabila rakyat asing yang datang ke negara ini membelanjakan wang mereka melebihi perbelanjaan rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara," katanya merasmikan seminar sempena Persidangan Menteri Pelancongan Islam ke-2 di ibu negara, semalam.

Tiga puluh negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menyertai sidang itu yang dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Mustapa berkata, industri pelancongan sebenarnya muncul sebagai antara penyumbang utama kepada pendapatan bagi kebanyakan negara.

Malah katanya, sektor terbabit adalah industri paling besar di dunia dengan menyumbang 10.9 peratus kepada keluaran dalam negara kasar dunia.

Keseluruhannya kata beliau, industri pelancongan meraih pendapatan AS\$563 bilion pada 1995 dan angka itu dijangka terus meningkat kepada AS\$720 bilion menjelang 2005.

Beliau berkata, industri itu sendiri menyediakan pekerjaan kepada 212 juta penduduk pada 1995 iaitu merangkumi 10.7 peratus daripada jumlah tenaga kerja sejagat.

"Jumlah itu dijangka meningkat kepada 338 juta. Pertubuhan Pelancongan Sedunia menganggarkan 1.05 bilion akan mengembara pada 2010 berbanding 720 juta tahun ini. Ini mewakili pertumbuhan 6.8 peratus setahun," katanya.

Bagi Malaysia katanya, apa yang perlu dilakukan ialah mempelbagaikan produk pelancongan dan memberi tumpuan kepada pasaran baru seperti China dan Asia Barat kerana peperangan boleh mengubah aliran pengembaraan.

(END)